

150 Tahun Pembunuhan J.W.W. Birch: Satu Penelitian terhadap Hubungan antara Ngah Ibrahim dengan J.W.W. Birch

The 150th Anniversary of the Assassination of J.W.W. Birch: An Examination of the Relationship between Ngah Ibrahim and J.W.W. Birch

Nor Hisham Zulkiflee & Khairi Ariffin

Jabatan Sejarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak

*Corresponding Author: iesham_ww2@yahoo.com

Received: 19 February 2026

Accepted: 31 March 2026

Published: 30 May 2026

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk memfokuskan hubungan antara Ngah Ibrahim dan J.W.W. Birch. Dalam menelusuri sejarah negeri Perak kira-kira 150 tahun lalu, nama Ngah Ibrahim dan Birch tidak dapat dipisahkan serta amat sinonim dengan sejarah kebangkitan menentang British di tanah air. Namun, masih kurang kajian khusus untuk menilai hubungan antara kedua-dua personaliti sejarah negeri Perak sejak termeterainya Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874 sehingga teretusnya pembunuhan Birch di Pasir Salak pada 2 November 1875. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif yang meliputi penggunaan sumber primer seperti rekod-rekod kolonial seperti *Journals of J.W.W. Birch*, *Colonial Offices* dan sumber sekunder seperti kajian lepas oleh Abdullah Zakaria Ghazali, Khoo Kay Kim dan Mohd Zamberi Malek. Hasil kajian ini menunjukkan latar belakang Ngah Ibrahim yang terkenal dalam kalangan pentadbir kolonial barat hingga dikenali sebagai ‘Raja Larut’ dan ‘Menteri Larut’. Seterusnya, perbincangan akan meneroka hubungan antara Ngah Ibrahim dengan J.W.W. Birch melalui penilaian terhadap sudut pandangan Birch terhadap pembesar Melayu Perak tersebut serta faktor-faktor yang mencetuskan kebangkitan menentang British yang dipelopori oleh Ngah Ibrahim sendiri.

Kata kunci: Ngah Ibrahim, J.W.W. Birch, Perjanjian Pangkor, Perang Perak dan Larut.

Abstract

*This study aims to focus on the relationship between Ngah Ibrahim and J.W.W. Birch. In tracing the history of the state of Perak about 150 years ago, the names of Ngah Ibrahim and Birch cannot be separated and are very synonymous with the history of the uprising against the British in the homeland. However, there is no specific study to assess the relationship between the two historical personalities of the state of Perak since the signing of the Pangkor Agreement on 20 January 1874 until the assassination of Birch in Pasir Salak on 2 November 1875. This study was carried out using qualitative research methods which include the use of primary sources such as colonial records such as the *Journals of J.W.W. Birch*, *Colonial Offices* and secondary sources such as past studies by Abdullah Zakaria Ghazali, Khoo Kay Kim and Mohd Zamberi Malek. The results of this study show the background of Ngah Ibrahim who was famous among western colonial administrators to the point of being known*

as ‘Raja Larut’ and ‘Menteri Larut’. Subsequently, the discussion will explore the relationship between Ngah Ibrahim and J. W. W. Birch by examining Birch’s perceptions of the Malay chief of Perak as well as the factors that triggered the anti-British uprising led by Ngah Ibrahim himself.

Keywords: Ngah Ibrahim, J.W.W. Birch, Pangkor Treaty, Perak War, and Larut.

Pengenalan

“Mr Birch was a lithe active man, of undaunted bravery, and had he been in the boat, where he was well provided with firearms and spears, he would have sold his life most dearly. As it was he was savagely attacked, some of the Malays driving their keen limbings through the rattan mat that formed a screen, while others went to the end of the bath, and as the wounded Resident struggled up out of the water, one man cut at him with the sword, when he sank, and for the time being was seen no more.” (McNair, 1972: 370 & Abdullah Zakaria, 1979/80).

Kira-kira 150 tahun dahulu iaitu pada pagi 2 November 1875 menyaksikan seorang Residen British yang pertama di Perak dan Negeri-negeri Melayu dibunuh oleh pejuang-pejuang Melayu Perak yang diketuai oleh Dato’ Maharaja Lela di Pasir Salak. Peristiwa berdarah ini menjadi satu simbol perjuangan orang Melayu dan rasa benci terhadap penjajahan British di Perak. Bagi pihak British, mereka melabelkan penentangan orang Melayu Perak ini sebagai satu kekacauan dan tindakan orang yang tidak bertamadun (Ahmad Fawzi Mohd. Basri, 1986: 86; Cowan & Burns, 1975: 1).

Perjuangan menentang British di Perak sebenarnya tidak hanya bermula dengan tindakan membunuh J.W.W. Birch sahaja. Titik tolak perjuangan ini asalnya dirintis oleh Ngah Ibrahim sejak sebelum termeterainya Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874. Sebagai pemimpin Melayu yang berpengaruh di Perak, beliau berjaya menggagalkan percubaan awal pihak British menguasai Perak apabila berjaya membayar tuntutan ganti rugi bagi pihak Sultan Perak pada tahun 1861.

Dalam menghadapi ancaman kolonialisme British, Ngah Ibrahim muncul sebagai tokoh utama dalam merancang gerakan kebangkitan menentang British di Perak. Beliau menggunakan kebijaksanaan dan kekayaannya untuk berunding dan berdiplomasi dalam memansuhkan Perjanjian Pangkor dan menentang Birch. Beliau. Tindakan pembunuhan Birch hanya terpaksa diambil oleh Ngah Ibrahim bersama para pembesar Melayu Perak setelah segala usaha perundingan dan diplomasi menemui kegagalan. Lantaran itu, penulisan ini akan menyingkap dan mengupas semula sejarah hubungan antara Ngah Ibrahim dengan Birch yang sekali gus membawa gambaran sebenar perjuangan orang Melayu menentang pihak British di Perak.

Ngah Ibrahim dalam Persejarahan Perak

Jika dibandingkan dengan kajian-kajian terdahulu, aspek hubungan antara Ngah Ibrahim dengan Birch dalam persejarahan negeri Perak ini amat kurang diketengahkan. Kebanyakan kajian-kajian terdahulu seperti R. J. Wilkinson, R. O. Windstedt, J. M. Gullick, Buyong Adil, Khoo Kay Kim dan Abdullah Zakaria Ghazali memaparkan perkembangan sejarah yang berlaku di Perak seperti Perang Larut, Perjanjian Pangkor dan pembunuhan Birch. Walaupun

tulisan-tulisan ini membincangkan Ngah Ibrahim dan Birch tetapi hubungan antara kedua-dua personaliti sejarah Perak ini hanya disentuh secara umum.

Beberapa tulisan utama yang menjelaskan mengenai hubungan Ngah Ibrahim dengan personaliti sejarah lain ialah artikel '*Captain Speedy in Larut*' yang dihasilkan oleh Gullick (1953). Dalam tulisannya, Gullick memberikan gambaran jelas mengenai hubungan antara Ngah Ibrahim dengan Kapten Speedy sebelum dan selepas campur tangan British melalui Perjanjian Pangkor. Sebelum berlakunya campur tangan British di Larut, Kapten Speedy diambil bekerja oleh Ngah Ibrahim sebagai ketua pasukan sepoi beliau pada Julai 1873 (Gullick, 1953 & Khoo Kay Kim, 1984: 195).¹ Situasi ini berubah apabila British bertapak di Perak yang menyebabkan Kapten Speedy dilantik menjadi Penolong Residen di Larut oleh pihak British dan Ngah Ibrahim pula menghadapi kehilangan kuasa sebagai pemerintah di Larut. Aspek-aspek ini menjadi tumpuan dalam perbincangan tulisan Gullick tersebut.

Selain daripada Gullick, Abdullah Zakaria Ghazali (1993) juga menghasilkan beberapa kajian penting yang menjadi rujukan utama. Misalnya, beliau dalam buku '*Ngah Ibrahim Orang Kaya Menteri Paduka Tuan*' membincangkan secara mendalam tentang Ngah Ibrahim. Lebih menarik dalam tulisan ini, tumpuan Abdullah Zakaria Ghazali adalah membincang secara mendalam mengenai penglibatan Ngah Ibrahim selaku tokoh utama dalam gerakan menentang British di Perak. Namun, hubungan dan konflik antara Ngah Ibrahim dengan Birch agak kurang ditonjolkan dalam perbincangannya.

Kajian lain ialah tulisan Mohd. Zamberi A. Malek (2013) yang membincangkan mengenai hubungan antara Ngah Ibrahim dengan Kapitan Chung Keng Kwee. Dalam bukunya bertajuk '*Kapitan Chung Keng Kwee, Pahlawan Perang Larut*', Mohd Zamberi menjelaskan ketokohan Chung Keng Kwee sangat berkait rapat dengan Ngah Ibrahim dalam perusahaan perlombongan bijih timah dan menghadapi Perang Larut. Setelah Ngah Ibrahim dihukum buang negeri, Chung Keng Kwee berjaya menguasai sebahagian besar industri perlombongan bijih timah di Larut hingga muncul sebagai jutawan terkemuka.

Pada tahun 2015, satu kajian yang menumpukan hubungan antara Ngah Ibrahim dengan Raja Abdullah dihasilkan oleh Lizawati bte Ramli (2015). Dalam kajian ini, Lizawati membincangkan bahawa hubungan kedua-dua tokoh ini banyak dipengaruhi oleh konflik dan campur tangan asing dari tahun 1860 hingga 1875. Uniknyanya kajian ini menolak tanggapan umum yang sebelum ini menyatakan konflik antara Ngah Ibrahim dan Raja Abdullah adalah disebabkan oleh isu perebutan takhta Kesultanan Perak. Konflik mereka didapati berpunca daripada konflik peribadi mengenai perebutan hak milik terhadap Larut yang kaya dengan bijih timah. Perang Larut yang berlaku antara kongsi gelap Hai San dengan Ghee Hin memburukkan hubungan mereka dan ditambah dengan campur tangan golongan kapitalis di Negeri-negeri Selat yang akhirnya membawa kepada termeterainya Perjanjian Pangkor.

Di samping itu, terdapat beberapa kajian lepas yang membincangkan mengenai Ngah Ibrahim. Contohnya, kajian mutakhir oleh Abdullah Abdul Hamid (2020) yang perbincangannya banyak tertumpu kepada aspek ketokohan Ngah Ibrahim dalam bidang perniagaan sehingga menjadi 'Bapa Korporat Melayu' dan jutawan Melayu pada abad ke-19. Beliau juga menjelaskan bahawa Perjanjian Pangkor menjadi titik tolak kepada kemerosotan Ngah Ibrahim. Perjanjian ini dianggap sebagai satu cabaran yang menyebabkan Ngah Ibrahim muncul paling awal menentang British di Perak dan berakhir dengan pembunuhan Birch.

Abdullah Abdul Hamid dan Azharudin Mohamed Dali (2017) turut menghasilkan satu penulisan yang membincangkan peranan dan sumbangan Ngah Ibrahim dalam penentangan terhadap British di Perak. Dalam perbincangan kajian ini, perjuangan Ngah Ibrahim yang dianggap sebagai luar biasa kerana kedudukannya sebagai tokoh pembesar dan ahli korporat Melayu bertaraf jutawan melayakkan beliau sebagai perancang dan pengatur strategi gerakan

menentang British di Perak. Perjuangan Ngah Ibrahim turut ditonjolkan dengan jelas dalam kajian tersebut yang terbahagi kepada sebelum dan selepas Perjanjian Pangkor.

Selain itu, kajian ilmiah oleh Lim Siew Leng (1990/91) pula memfokuskan sumbangan Ngah Ibrahim dalam membangunkan perusahaan perlombongan bijih timah di Larut sebelum campur tangan British. Meskipun begitu, beliau turut menyentuh kedudukan dan usaha Ngah Ibrahim memansuhkan Perjanjian Pangkor serta gerakan penyingkiran Birch dalam kajian tersebut. Konflik antara Ngah Ibrahim dengan Birch jelas terpapar dalam beberapa pertemuan dan tindakan Ngah Ibrahim mengoyak surat pengisytiharan Birch menerusi kajian ini.

Secara umumnya, kesemua kajian-kajian terdahulu sememangnya memartabatkan ketokohan Ngah Ibrahim sebagai seorang pembesar, jutawan dan patriot bangsa Melayu. Walau bagaimanapun, hubungan antara Ngah Ibrahim dengan Birch ini kurang mendapat perhatian dan menjadi satu aspek yang terpinggir dalam persejarahan Ngah Ibrahim ini. Maka itu, penulisan ini memenuhi kekurangan ini dengan memberikan penekanan terhadap latar belakang dan hubungan antara kedua-dua tokoh ini sehingga mencetuskan konflik pembunuhan Birch dan terbuangnya Ngah Ibrahim ke Pulau Seychelles.

Ngah Ibrahim dan Keluarga

Dalam menelusuri latar belakang Ngah Ibrahim, beliau dilahirkan di Bukit Gantang pada 1840. Ngah Ibrahim merupakan anak kedua daripada hasil perkahwinan antara Long Jaafar² bin Dato' Paduka Long Abdul Latif dengan Che Ngah Pura binti Dato' Panglima Bukit Gantang Alang Alaidin (Talib Samat, 2006). Beliau dibesarkan bersama seorang abang bernama Kulup Seman dan adik perempuan bernama Che Alang Sapiah di Bukit Gantang. Semasa kecil, Ngah Ibrahim sering mengikuti bapanya ke Istana Perak sehingga beliau dijadikan anak angkat kepada Sultan Jaafar. Beliau juga amat taat kepada ibunya, Ngah Pura terutamanya selepas Long Jaafar meninggal dunia (Mohd Fadzil Othman, 1980: 138).

Dalam menjejak susur galur keturunannya pula, asal usul keluarga Ngah Ibrahim dikatakan mempunyai hubung kait dengan Nyak Besaing dari Aceh dan Tun Saban dari Hulu Perak. Menurut Abdullah Zakaria Ghazali, keturunan Ngah Ibrahim bermula dengan Nyak Besaing yang berasal dari Aceh, Sumatera. Nyak Besaing pula mempunyai anak bernama Tuk Kasah manakala Tuk Kasah memiliki anak bernama Tuk Narah Kembal. Daripada Tuk Narah Kembal ini, maka lahirlah Toh Paduka Setia Pandak Jamaluddin yang memperolehi empat orang putera iaitu Dato Panglima Bukit Gantang Alang Alaidin, Tok Paduka Setia Long Abdul Latiff, Che Pandak Abdullah dan Busu Jamihan (Abdullah Zakaria, 1993 & Lim Siew Leng, 1990/91).

Sementara itu, Abdullah Abdul Hamid pula menyatakan Ngah Ibrahim merupakan generasi ke-9 daripada Tun Saban. Salasilah ini dikatakan bermula daripada anak Tun Saban iaitu Tun Belunak melalui Toh Johan Pahlawan Nyak Bersating (bapa saudara kepada Panglima Bukit Gantang). Pandak Jamaludin yang bergelar Toh Paduka Setia menjadi cicit kepada Nyak Bersating serta bapa kepada Dato Panglima Bukit Gantang Alang Alaidin dan Abdul Latif, bapa Long Jaafar (Abdullah Abdul Hamid, 2020 & Buyong Adil, 1981).

Hal ini berbeza daripada catatan kolonial British yang sangat prejudis kepada Ngah Ibrahim. Buktinya Swettenham menyatakan bahawa Ngah Ibrahim bukanlah seorang Melayu tetapi India yang dijelaskan seperti berikut: "*The Mantri himself was not a pure Malay; he was partly Indian, and the Indian blood gave him a shrewdness and business capacity foreign to Malays*" (Swettenham, 1907: 123).

Kenyataan Swettenham ini dibantah oleh pengkaji tempatan seperti Abdullah Zakaria Ghazali, Talib Samat dan Abdullah Abdul Hamid yang menyatakan bahawa keturunan Ngah Ibrahim berasal daripada bangsa Melayu. Berdasarkan nama dan leluhur Ngah Ibrahim, jelas

membuktikan beliau adalah merupakan seorang Melayu Perak sejati kerana panggilan ‘Ngah’ merupakan gelaran untuk anak kedua dalam masyarakat Melayu.³ Selain itu, tercatat juga bahawa Raja Abdullah telah menyatakan keturunan Ngah Ibrahim berasal daripada keluarga hamba yang dibebaskan dengan bayaran \$1000 (Wee, 1952: 1).

Ngah Ibrahim sendiri mempunyai keluarga yang besar kerana mempunyai tiga orang isteri. Isteri pertamanya ialah Toh Puan Halimah binti Laksamana Muhammad Amin dan mendapat dua orang anak iaitu Wan Mohamed Isa dan Wan Mat Nasir. Isteri kedua Ngah Ibrahim pula ialah Che Nensah yang memperolehi seorang anak bernama Wan Yeop Abd. Shukor manakala isteri ketiganya ialah Sa’eah yang mendapat seorang anak bernama Wan Supiah (Talib Samat, 2006 & Abdullah Abdul Hamid, 2020).

Pandangan Kolonial Terhadap Ngah Ibrahim

“Dalam pengkajian sejarah negeri-negeri Melayu kurun ke-19 Masihi, kita mungkin tidak dapat mengelak daripada menggunakan sumber-sumber kolonial British.” (Azmi Arifin, 2016: 86)

Seperti yang dinyatakan oleh Azmi Arifin ini, persejarahan Ngah Ibrahim turut banyak bergantung kepada sumber daripada laporan-laporan kolonial British. Kebanyakan sumber-sumber mengenai beliau tersebut dicatatkan dan direkodkan oleh para pentadbir kolonial British seperti C. J. Irving, Frank Athelstane Swettenham, Kapten Tristram Charles Sawyer Speedy, Sir Harry St. George Ord, Sir Andrew Clarke, John Fredrick McNair dan Thomas Braddell. Hasil penelitian daripada kesemua laporan itu, kenyataan dan gambaran yang dibawa oleh pihak British terhadap Ngah Ibrahim didapati berbeza-beza seiring dengan kepentingan dasar dan polisi imperialisme mereka di Negeri-negeri Melayu.

Pada peringkat awal, Ngah Ibrahim didapati menerima pandangan dan gambaran yang baik dalam laporan-laporan kolonial British. Perkara ini jelas dapat diperhatikan apabila Ngah Ibrahim diberikan gambaran secara umum sebagai seorang pembesar Melayu Perak yang kaya dan berdaulat di Larut sebelum termeterainya Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874. Contohnya, Swettenham (1907: 123) menulis mengenai kewibawaan dan kekuasaan Ngah Ibrahim seperti berikut:

“The Mantri, as already stated, was the chief of the Larut district, and owing to the extent of the tin-mining industry in that province, he was far the richest and most powerful individual in Perak.”

Bagi pihak British, pandangan baik sebegini lahir atas faktor kepentingan imperialisme mereka iaitu perlombongan bijih timah yang sedang meningkat di Negeri-negeri Melayu terutamanya wilayah Larut yang ditadbir oleh Ngah Ibrahim pada pertengahan abad ke-19. Pihak British perlu memelihara hubungan yang baik dengan beliau bagi menjamin kepentingan ekonomi tersebut. Perkembangan perlombongan bijih timah di Larut turut menjadikan Ngah Ibrahim sebagai seorang jutawan dengan jumlah pendapatan tahunan yang diperolehi oleh beliau mencecah kira-kira \$186,000 hingga \$200,000 setahun (Abdullah Zakaria, 1993). Hasil pendapatan ini diperolehi menerusi cukai-cukai yang dikenakan terhadap eksport bijih timah yang dibawa keluar dari Larut. Swettenham melaporkan cara Ngah Ibrahim memperolehi pendapatan yang lumayan daripada perdagangan bijih timah tersebut:

“Besides the \$19 a bhar, the Mantri farmed out the carriage of the tin, whether by carts or boats to Ah Quee, and he also charged so many cents a slab for weighing, for stamping, for godown storage, and fee to the clerk, altogether they had pay about \$22 a bhar on the tin, before it left the country” (Report of the Commissioners under Clause XIII of the “Perak Engagement” dated 20th January 1874).

Berdasarkan kekayaan itu, pihak British menyedari bahawa jajahan Larut yang dikuasai oleh Ngah Ibrahim ini adalah nadi utama yang menyumbang kepada ekonomi pelabuhan Pulau Pinang. Menurut Andrew Clarke, nilai import bijih timah di Pulau Pinang bagi tahun 1871 yang sebahagian besar datang dari Larut berjumlah \$1,276,518,00 (Abdullah Abdul Hamid, 2020: 55). Selain itu, Ngah Ibrahim bukan sahaja membawa masuk ramai pelombong Cina untuk bekerja di lombong-lombong bijih timah miliknya di Larut tetapi turut membawa masuk pelaburan baharu yang melibatkan golongan pedagang-pedagang asing di Negeri-negeri Selat. Contohnya, beliau mempunyai hubungan perdagangan dengan beberapa syarikat Eropah seperti *Syarikat Lorraine Gillespie* dan *Syarikat Mansfield* yang dimiliki oleh W. Mansfield (Khoo Kay Kim, 1984: 115). Maka itu, tidak hairanlah pihak British juga menamakan sebatang jalan utama di Georgetown, Pulau Pinang sebagai Lebuh Mantri.

Demi menjamin kelangsungan kepentingan perdagangan tersebut, pihak British sentiasa menjaga hubungan baik dengan Ngah Ibrahim. Tambahan pula, beliau mewarisi segala kekayaan dan pentadbiran di Larut selepas bapanya meninggal dunia pada Ogos 1857.⁴ Kekayaan Ngah Ibrahim tersebut diperkukuhkan lagi menerusi pemberian surat pengesahan hak terhadap Larut yang dikeluarkan oleh Sultan Jaafar Muazam Shah iaitu Sultan Perak (1857-1865) pada 30 November 1857. Kekayaan yang dimiliki oleh Ngah Ibrahim ini membolehkan beliau mempunyai dua buah kapal wap iaitu *Betara Bayu*⁵ dan *Indra Bayu* yang dibeli pada November 1871. Beliau juga membina sebuah kediaman berbentuk Eropah sebagai hadiah kepada isterinya, Toh Halimah yang sekali gus menjadi pusat pentadbirannya di Matang pada tahun 1857 (Wilkinson, 1972: 192). Menurut Frank Swettenham, kekayaan Ngah Ibrahim itu dijelaskan seperti berikut: *“The Mentri I have stated to be rich, he was not only rich, but so much wealthier than any other Perak Chief” (Report of the Commissioners under Clause XIII of the “Perak Engagement” dated 20th January 1874).*

Pada 23 Oktober 1963, Sultan Jaafar menganugerahkan gelaran Orang Kaya Menteri Paduka Tuan⁶ dan geran kuasa ke atas Larut kepada Ngah Ibrahim (Wilkinson, 1971: 147). Penganugerahan Sultan Perak tersebut bukan sahaja menaikkan taraf Ngah Ibrahim ke kedudukan tertinggi sebagai Orang Besar Empat Perak tetapi mengiktiraf Ngah Ibrahim sebagai seorang pemerintah yang berkuasa mutlak di Larut dan bebas mempunyai hubungan luar dengan pihak British. Dalam menjamin hubungan baik dengan Ngah Ibrahim, pihak British juga bertindak mengakui kekuasaan beliau sehingga memberikannya gelaran ‘Raja Larut’ dan ‘Menteri Larut’. Buktinya, C. J. Irving menulis Ngah Ibrahim sebagai Tunku Mantri dan Rajah Laroot (Raja Larut) dalam laporannya bertarikh 24 Julai 1872. Irving turut menjelaskan penggunaan gelaran Raja Larut itu:

“The title of “Raja Larut” is a mere English soubriquet. (nickname) The Tunku Mantri himself said to me that he not a Raja, but an Officer of State of the Sultan of Perak” (Memorandum Relative to the Affairs of Perak, With Reference to A Visit to That Country in April And May, 1872 by Mr. C. J. Irving).

Di samping itu, Ngah Ibrahim memiliki hubungan yang baik dengan Leftenan Gabenor Archibald Anson di Pulau Pinang. Beliau menyokong Ngah Ibrahim dalam menangani masalah pergaduhan kongsi gelap Cina di Larut dengan memberi kebenaran kepada idea penubuhan pasukan sepoi Ngah Ibrahim yang akan dipimpin oleh Kapten Speedy.⁷ Sokongan kuat Anson ini turut mempengaruhi Sir Harry Ord selaku Gabenor Negeri-negeri Selat yang pertama (1867-1873)⁸ juga menyokong tindakan yang diambil oleh Ngah Ibrahim dalam menangani isu Perang Larut akibat pergaduhan kongsi gelap Cina iaitu Hai San dan Ghee Hin. Buktinya, beliau turut menghantar kapal perang British bagi mengawal keselamatan perairan Larut. Atas nasihat Anson juga, Ord turut mengiktiraf Ngah Ibrahim sebagai pemerintah yang berdaulat di Larut. Pengiktirafan tersebut dinyatakan menerusi surat rasminya bertarikh 5 September 1874:

“As I (Ord) am satisfied from the various documents which Orang Kaya Menteri has produced, that he is the lawful ruler of Larut, and such as, independent of the Sultan or any authority in Perak, he will now be recognized by the government as the independent ruler of Larut” (Wilkinson, 1971: 98).

Pengiktirafan Ord terhadap Ngah Ibrahim ini turut diketahui hingga ke Wizurai British di Calcutta, India apabila beliau memohon keizinan pihak British di India meluluskan pengambilan kira-kira 200 orang Panthan dan Punjabi oleh Kapten Speedy untuk penubuhan pasukan sepoi di Larut. Dalam suratnya itu, Ord menjelaskan kedudukan Ngah Ibrahim sebagai:

“the Orang Kata Mantri of Laroot is undoubtedly the independent ruler of Laroot, a state lying between the British Territory and the state of Perak.. ..the fact that he is recognised by this Government, and to the friendly relation..” (Straits Settlements No.2687, *Enlistment Of Sepoys by Captain Speedy at Calcutta for the service in Laroot*).

Lebih menarik, imej kekayaan dan kekuasaan Ngah Ibrahim ini bukan sahaja diketahui di sekitar Negeri-negeri Melayu dan India tetapi tersebar luas hingga ke London. Buktinya, akhbar *The Pall Mall Gazette* di London bertarikh 18 November 1875 turut melaporkan berita berkaitan pengiktirafan Gabenor Negeri-negeri Selat yang diterima oleh Ngah Ibrahim tersebut seperti berikut: *“..as we have seen, has successfully emerged from his position as a mere minister, and has been recognized by the Straits Government as the ruler of Laroot”* (*The Pall Mall Gazette* (London), 18 November 1875).

Namun begitu, tanggapan positif yang diterima oleh Ngah Ibrahim daripada pegawai-pegawai kolonial British tiba-tiba berubah apabila Sir Andrew Clarke⁹ menggantikan Sir Harry Ord sebagai Gabenor Negeri-negeri Selat pada 4 November 1874. Hal ini berkait rapat dengan kesan perubahan dasar imperialisme British terhadap negeri-negeri Melayu yang British mahu meluaskan pengaruhnya ke Larut khasnya dan Perak amnya. Atas faktor tuntutan Raja Muda Abdullah dan pengaruh para pedagang di Negeri-Negeri Selat, imej Ngah Ibrahim mulai dipandang serong oleh pegawai-pegawai British sebagai seorang penderhaka, oportunist, gila akan kuasa dan bercita-cita besar untuk menjadi sultan. Para pedagang di Negeri-negeri Selat melihat kekangan-kekangan yang dikenakan oleh pemerintah Melayu menerusi pungutan cukai yang tinggi boleh menjejaskan penguasaan ekonomi di Larut (*Enquiry As To Complicity Of Chiefs In The Perak Outrages* (ECCOP), Singapore, Government Printing Office, 1876 & Azmi Arifin, 2016).¹⁰ Persepsi itu

menyebabkan mereka mendesak pihak British untuk menjatuhkan pengaruh dan kedudukan Ngah Ibrahim sebagai pemerintah wilayah tersebut.

Atas sikap prejudis kolonial, pihak British melihat Ngah Ibrahim sebagai seorang pembesar Melayu Perak yang angkuh dengan menunjukkan kemewahannya. Hal ini jelas dapat dilihat menerusi catatan oleh McNair dan Thomas Braddell yang menunjukkan para pentadbir kolonial British sebenarnya agak tercabar apabila Ngah Ibrahim datang menghadiri rundingan dengan Clarke di atas kapal HMS Pluto bersama Ketua Keselamatannya, Kapten Speedy dan peguamnya, R. C. Woods. Beliau juga menaiki kapal api miliknya yang jauh lebih baik dan moden daripada kapal British itu. Kekayaan dan keupayaan yang dimiliki oleh Ngah Ibrahim sehingga mampu menggajikan orang Eropah bekerja untuknya ini mencalarakan imej kehebatan bangsa Eropah terutamanya Empayar British. Perkara tersebut juga secara tidak langsung berjaya menolak dakwah gejala kemerosotan dan kemunduran orang Melayu yang dibawa oleh bangsa Eropah bagi menghalalkan imperialisme mereka.¹¹

Lantaran itu, Clarke bertindak sengaja melarang Ngah Ibrahim membawa masuk Speedy dan Woods dalam perbincangan tersebut. Larangan beliau secara tidak langsung dapat menggelakkan Ngah Ibrahim mendapat nasihat daripada peguamnya. Clarke kemudiannya menyatakan bahawa beliau menafikan pengiktirafan pihak British terhadap kedudukan Ngah Ibrahim sebagai pemerintah bebas di Larut yang diberikan sebelum ini. Beliau juga memaklumkan hasrat pihak British untuk campur tangan di Perak dan Ngah Ibrahim mesti menerima seorang pegawai British untuk menasihatinya dalam pentadbiran. Perbincangan tersebut bertukar menjadi perdebatan hangat apabila Ngah Ibrahim cuba mengekalkan kedudukannya sebagai pemerintah bebas di Larut seperti diiktiraf oleh Sultan Perak dan Sir Harry Ord sebelum ini (Abdullah Abdul Hamid, 2020: 133).

Bagi mempertahankan kedudukannya, Ngah Ibrahim memberikan contoh kejayaan pemerintahan Temenggung di Johor dan menyamakannya dengan kedudukan beliau. Akibatnya, Thomas Braddell iaitu Peguam Negeri-negeri Selat menuduh Ngah Ibrahim bercita-cita untuk menjadi sultan. Braddell juga mempertikaikan dan berpendapat Ngah Ibrahim tidak layak menerima panggilan Tengku kerana beliau bukannya berdarah raja. Tuduhan ini sebaliknya dinafikan oleh Ngah Ibrahim apabila beliau juga mengakui bahawa panggilan Tengku tidak layak untuknya serta tidak menggunakannya pada cop mohornya (Winstedt & Wilkinson, 1934: 155). Braddell yang tidak berpuas hati dan kurang menyenangi sikap Ngah Ibrahim itu menulis dalam catatannya seperti berikut: *“The impression left by the Mantri’s behavior was not favourable. He fenced with questions put to him, and inspired but little confidence in his truthfulness, sincerity or courage”* (Cowan & Burns, 1975: 169-170).

Selain itu, para pentadbir kolonial British cuba menjatuhkan maruah Ngah Ibrahim dengan tuduhan jahat. Hal ini jelas terbukti apabila Clarke melemparkan tuduhan yang menyatakan bahawa segala kekacauan di Larut berpunca daripada kelemahan pentadbiran Ngah Ibrahim dalam perbincangan yang sama. Tuduhan itu amat berat sebelah kerana Ngah Ibrahim pernah menyelamatkan kedaulatan Sultan dan negeri Perak daripada dikuasai oleh kuasa asing dengan membayar tuntutan ganti rugi kongsi gelap Ghee Hin sebanyak \$17,447.04 kepada pihak British pada 1862. Clarke turut menyindir kesahihan kedudukan Ngah Ibrahim sebagai pemerintah di Larut yang tidak mengiktiraf Raja Muda Abdullah sebagai Sultan Perak, sedangkan geran Larut terdapat cop mohor baginda (Lim, Siew Leng, 1990/91: 97-98).

Di samping itu, Ngah Ibrahim turut menerima paksaan dan penghinaan teruk daripada pihak British dalam rundingan draf Perjanjian Pangkor ini. Misalnya, William Pickering yang membawa kira-kira 20 orang askar British untuk memaksa Ngah Ibrahim menghadiri rundingan pada 17 Januari 1874. Apabila tiba di lokasi rundingan, Ngah Ibrahim dihina oleh Clarke yang tidak mahu memberikan kerusi kepada beliau untuk duduk. Tidak cukup itu, J. F. McNair pula bertindak memaksa beliau duduk di atas lantai kapal bersama para pembesar

Melayu Perak yang lain (Winstedt & Wilkinson, 1934: 155 & Barlow, 1995: 47). Tindakan tersebut amat memalukan Ngah Ibrahim yang mempunyai kedudukan tertinggi dalam hierarki pemerintahan di Perak.

Sindiran, desakan, ugutan dan penipuan daripada para pentadbir British ini akhirnya menyebabkan Ngah Ibrahim terpaksa menandatangani Perjanjian Pangkor. Thomas Braddell melaporkan kekecewaan Ngah Ibrahim melalui kenyataannya: *“If the people like it, I have no place, I of course follow them”* (McNair, 1972). Berbeza dengan para pembesar Melayu Perak lain yang hadir, Ngah Ibrahim amat lantang dan tegas mempertahankan kedudukannya sebagai pemerintah yang berdaulat di Larut dalam rundingan Perjanjian Pangkor tersebut. Ekoran itu, pihak British kurang menyenangi Ngah Ibrahim dan melabelkan beliau sebagai batu penghalang kepada kepentingan imperialisme British di Perak. Buktinya, Ngah Ibrahim dilaporkan seperti berikut: *“The Mantri was the only chief who made any-objection to signing the Treaty..”* (ECCOP: 3).

Sebaliknya, Ngah Ibrahim merasakan bahawa kewibawaannya selaku pemerintah di Larut sengaja dicabar oleh pihak British. Beliau bukan sahaja menyedari bahawa kedaulatannya terhakis akibat Perjanjian Pangkor tetapi tidak berpuas hati dengan layanan buruk oleh para pentadbir British tersebut. Bagi Ngah Ibrahim juga, Perjanjian Pangkor tersebut lebih merupakan penyampaian tuntutan perdamaian yang sudah ditentukan oleh pihak-pihak yang berkepentingan (Lim, Siew Leng, 1990/91: 95). Beliau terpaksa akur dengan syarat-syarat Perjanjian Pangkor yang tidak adil baginya dan terpaksa menerima seorang Penolong Residen serta terpaksa membayar segala hutang akibat kekacauan yang berlaku sebelum ini. Ekoran rasa tidak puas hati terhadap Perjanjian Pangkor, Ngah Ibrahim dan bapa mertuanya, Dato' Laksamana Muhammad Amin bin Alang Duakap muncul sebagai pembesar Melayu Perak yang terawal menggerakkan usaha untuk memansuhkan perjanjian kolonial tersebut (Abdullah Abdul Hamid & Azharuddin, 2017: 87).

Rasa tidak puas hati Ngah Ibrahim terhadap pihak British jelas tercatat dalam surat beliau kepada Sultan Ismail yang bertarikh 26 Februari 1874 yang menyatakan beliau terpaksa akur kepada segala nasihat yang dikemukakan oleh Kapten Speedy, Penolong Residen. Speedy juga bertindak bebas dalam menjalankan pentadbiran di Larut tanpa merujuk kepada beliau lagi. Akibatnya, Ngah Ibrahim dipinggirkan daripada hal ehwal pentadbiran di Larut. Beliau bukan sahaja kehilangan kuasa politik tetapi juga kehilangan punca pendapatannya daripada pungutan cukai yang diambil alih oleh pihak British. Buktinya, Ngah Ibrahim ditegur kerana masih mengutip cukai oleh Suruhanjaya Perjanjian Pangkor pada Februari 1874 (Abdullah Abdul Hamid & Azharuddin, 2017: 106).

Sementara itu, Dato' Laksamana turut tidak berpuas hati terhadap Perjanjian Pangkor ekoran isu penyerahan Dinding kepada pihak British. Beliau menyatakan penyesalannya terhadap penyerahan tersebut dan akan berusaha untuk menggagalkan Perjanjian Pangkor kepada Sultan Abdullah. Pada bulan Februari 1874 yang sama, Laksamana dan beberapa pembesar mula mengadakan rundingan untuk menentang Perjanjian Pangkor (ECCOP: 4; Winstedt & Wilkinson, 1934: 156). Perkembangan ini menjadikan beliau sebagai penentang utama Perjanjian Pangkor bersama menantunya, Ngah Ibrahim. Wyne (1941: 301) menjelaskannya seperti berikut:

“The Laxamana at once became the spearhead of opposition to the Treaty among Sultan Abdullah’s supporters and several meetings were held by him with other signatory chiefs to express their dissatisfaction particularly with the Dinding clause.”

Ketidakpuasan hati Ngah Ibrahim dan Laksamana tersebut akhirnya mendorong mereka untuk menjadi tokoh utama yang memulakan gerakan penentangan terhadap British

di Perak. Kedudukan kedua-dua pembesar Melayu Perak ini jelas tergugat ekoran syarat-syarat Perjanjian Pangkor yang Ngah Ibrahim tidak lagi diiktiraf sebagai pemerintah Larut yang bebas dan terpaksa menerima seorang Penolong Residen British manakala Dato' Laksamana Muhammad Amin pula kehilangan jajahan Dinding yang diserahkan kepada pihak British (Abdullah Zakaria Ghazali, 2023: 50).

J.W.W. Birch: Dari Ceylon ke Perak

J.W.W. Birch atau nama sebenarnya James Wheeler Woodford Birch merupakan Residen British yang pertama di Perak. Beliau dilahirkan pada 3 April 1826 dan merupakan anak kepada Rev. J.W. Birch, seorang paderi Kristian. Berbicara mengenai keluarganya, Birch kehilangan isterinya yang meninggal dunia di England pada Oktober 1870. Beliau kemudiannya terpaksa membesarkan sendiri empat orang anaknya iaitu Ernest Charles James Woodford Birch,¹² Florance Emily Sophia, Arthur dan Constance Alice (Burns, 1976: 7-8).

Birch memulakan alam kerjayanya dengan menyertai Tentera Laut Diraja British dan menyertai Jabatan Jalan di Ceylon pada tahun 1846. Atas kebolehannya sebagai ahli bahasa dan mahir bahasa asing,¹³ beliau berjaya diterima menjadi penulis dalam Perkhidmatan Awam Kolonial pada tahun 1852. Selepas setahun, Birch dilantik menjadi Pesuruhjaya dan Majistret Polis di Mallagam dan seterusnya di Jaffna. Pada tahun 1864, beliau dilantik pula sebagai Penolong Ajen Kerajaan dan Hakim Daerah di Kurunegala. Kerjayanya terus meningkat apabila dilantik sebagai Ajen Kerajaan di Wilayah Timur (Burns, 1976: 7).

Kecemerlangan prestasi dalam kerjaya yang ditunjukkan oleh Birch menyebabkan beliau terpilih untuk dilantik sebagai Setiausaha Kolonial di Singapura pada Mei 1870. Gabenor Sir Harry Ord turut memuji kerja-kerja yang dilakukan oleh Birch. Malahan, Birch juga menjadi pengantara yang merapatkan hubungan antara Ord dengan saudagar-saudagar di Negeri-Negeri Selat (Burns, 1976: 8). Sebagai Setiausaha Kolonial, Birch turut terlibat dalam hal ehwal di Negeri-negeri Melayu dan berurusan dengan para pemerintah Melayu terutamanya Selangor. Namun, Leftenan Kolonel Anson mengkritik sikap Birch yang kasar dan menggunakan ugutan semasa berurusan dengan Sultan Abdul Samad dari Selangor (Burns, 1976: 8). Menerusi pengalaman dan bantuan Clarke, Birch akhirnya terpilih sebagai Residen British di Perak yang pertama untuk menjayakan gerakan imperialisme British di negeri itu.

Hubungan Ngah Ibrahim dengan J.W.W. Birch

Dalam konteks meneliti semula hubungan antara Ngah Ibrahim dengan J.W.W. Birch, segala catatan dan pandangan Birch dalam "*Journals of J.W.W. Birch*" menjadi rujukan utama dan dianalisis dalam merungkai memori sejarah Perak yang berlaku kira-kira 150 tahun dahulu. Jurnal yang bersifat separa rasmi ini mengandungi catatan harian yang melaporkan aktiviti Birch kepada Gabenor Negeri-negeri Selat. Ia juga terbahagi kepada tiga bahagian iaitu laporan semasa lawatan ke Selangor dan Perak (29 Mac-3 Mei 1874) dan dua bahagian lagi yang digabungkan sebagai 'Resident Journal' (30 September 1874-24 Oktober 1875) (Burns, 1976: xiii).

Berdasarkan catatan jurnal Birch, kira-kira sebanyak 29 kali pertemuan antara Ngah Ibrahim dengan Birch berlangsung sepanjang dalam tempoh daripada bulan April 1874 hingga Oktober 1875. Sepanjang tempoh pertemuan-pertemuan tersebut, hubungan antara Ngah Ibrahim dengan Birch amat dipengaruhi oleh kesan Perjanjian Pangkor. Dalam konteks ini, Ngah Ibrahim didapati cuba mempertahankan kedudukannya sebagai pemerintah yang berdaulat di Larut manakala Birch pula cuba menegakkan pentadbiran kolonial British di

Perak. Perkara itu secara tidak langsung mencorakkan hubungan kedua-duanya daripada kerjasama awal kepada konfrontasi politik.

Pada April 1874, Birch yang masih menjadi Setiausaha Kolonial Negeri-negeri Selat bersama Frank Swettenham diarahkan membuat lawatan ke Perak bagi memujuk Sultan Ismail untuk menandatangani Perjanjian Pangkor serta menyerahkan alat-alat kebesaran Diraja (Burns, 1976: 41; Barlow, 1995: 63-71). Pada peringkat awal, hubungan dan pandangan Birch terhadap Ngah Ibrahim adalah baik kerana beliau tidak mengetahui bahawa pemerintah Larut itu sebenarnya menentang British. Setelah tiba di Larut pada 13 April 1874, Birch memohon bantuan Ngah Ibrahim untuk mengikuti beliau dan menyediakan gajah sebagai pengangkutan ke Kuala Kangsar. Pertemuan tersebut merupakan pertemuan pertama antara mereka. Beliau juga memuji rumah kediaman Ngah Ibrahim yang terletak indah di Bukit Gantang. Pujian ini jelas tercatat pada 15 April 1874:

“...Bukit Gantang, a very pretty place under the hill with beautiful water. The Mantri has a nice house here on an elevation, and there seem to be a good many Malay houses scattered about. Some Sikh sepoy were stationed here ...”
(Barlow, 1995: 64).

Pada 20 April 1874, Birch mengarahkan Ngah Ibrahim untuk berunding dengan Sultan Ismail supaya menyerahkan alat-alat kebesaran Diraja. Ngah Ibrahim diberikan amaran oleh Birch supaya tidak menipunya dan menyatakan beliau merupakan individu utama yang bertanggungjawab menabalkan Sultan Ismail sebagai Sultan Perak.¹⁴ Birch turut meminta Ngah Ibrahim untuk memujuk dan menjelaskan kepada Sultan Ismail dengan tawaran daripada pihak British yang terdapat dalam Perjanjian Pangkor. Beliau juga dengan bongkak berkata bahawa baginda tidak mengetahui betapa hebatnya kekuasaan, kekuatan dan kemewahan pihak British (Burns, 1976: 75).

Menerusi kebijaksanaan diplomasinya, Ngah Ibrahim cuba untuk berunding dengan Birch mengenai Perjanjian Pangkor sebelum bersetuju untuk memujuk Sultan Ismail. Buktinya, Ngah Ibrahim memaklumkan rasa tidak puas hati beliau terhadap perjanjian tersebut kepada Birch. Beliau juga menyatakan bahawa pembesar Melayu Perak tidak diberikan masa secukupnya semasa rundingan di Pulau Pangkor. Namun, kenyataan itu dibidas oleh Birch yang menegaskan bahawa Ngah Ibrahim sudah diberikan masa dan peluang secukupnya untuk meneliti perjanjian tersebut. Birch menulisnya seperti berikut: *“... we told him he had plenty of time and several opportunities to do this at Pulo Pangkor...”* (Burns, 1976: 75). Tindakan Birch ini jelas menggambarkan sikap kekerasan dan angkuh beliau selaku pegawai kolonial terhadap Ngah Ibrahim. Selain itu, sikap Birch jelas menggambarkan beliau memandang rendah terhadap Ngah Ibrahim yang lebih muda daripadanya. Lantaran itu, Ngah Ibrahim bertindak menggagalkan misi Birch tersebut.

Meskipun Birch berjaya mengadakan rundingan dengan Sultan Ismail di Belanja pada 25 April 1874, baginda bertegas menolak permintaan untuk menandatangani Perjanjian Pangkor. Sultan Ismail dan Ngah Ibrahim juga bertindak melengahkan masa Birch dan memberikan alasan hanya akan menyerahkan alat kebesaran kepada Sultan Abdullah sahaja. Pada Jun 1874, Birch dan Swettenham sekali cuba memujuk Sultan Ismail untuk menyerahkan alat kebesaran dan menandatangani Perjanjian Pangkor tetapi usaha itu menemui kegagalan. Tanpa disedari oleh Birch, keengganan Sultan Ismail mengikuti permintaannya ini disebabkan oleh pengaruh Ngah Ibrahim dan Laksamana Muhammad Amin yang menasihati baginda agar tidak mengikuti permintaan Birch itu demi mempertahankan kedaulatan negeri Perak daripada dikuasai oleh pihak British (ECCOP: 4; Abdullah Zakaria Ghazali, 1997: 16).

Walaupun Ngah Ibrahim berjaya menggagalkan usaha Birch mendapatkan tandatangan Sultan Ismail, Birch tetap berjaya melobi pihak pentadbiran British untuk melantik dirinya sebagai Residen British di Perak pada 4 Oktober 1874 (Burns, 1976: 22). Perlantikan Birch ini menandakan kuasa kolonial British kian diperkukuhkan di negeri Perak selepas Perjanjian Pangkor. Ancaman kolonialisme itu menyebabkan Ngah Ibrahim segera menjalankan gerakan memansuhkan Perjanjian Pangkor menerusi lunas perundangan pula. Beliau menyedari bahawa perjanjian tersebut dibuat oleh Clarke tanpa kelulusan rasmi daripada kerajaan British di London.¹⁵

Sejak bulan Mac 1874, Ngah Ibrahim sudah memulakan rundingan dengan R. C. Wood untuk membawa kes kesahihan Perjanjian Pangkor ke perbincangan di Parlimen England. Beliau juga membayar kos perbelanjaan sebanyak \$12,000 kepada Wood (Winstedt & Wilkinson, 1934: 156; Abdullah Zakaria Ghazali, 1997: 16). Pada 16 Oktober 1874, satu mesyuarat yang dihadiri oleh Ngah Ibrahim, Temenggung, Raja Yusof, Sultan Ismail, Panglima Kinta, Dato' Nara, Dato' Sedika Raja, Seri Maharaja Lela, Tuan Chee Perai, Haji Abu Bakar dan Wood diadakan di Belanja (Wyne, 1941: 302; Winstedt & Wilkinson, 1934: 164). Dalam mesyuarat ini, kesemua yang terlibat sepakat menetapkan lima ketetapan iaitu:

- a) Alat-alat kebesaran tidak akan diserahkan kepada Raja Muda Abdullah.
- b) Woods, Haji Abu Bakar dan Raja Yusof mesti berangkat ke England mewakili kes Perjanjian Pangkor.
- c) Sekiranya berlaku kekacauan untuk mendapatkan alat-alat kebesaran, Tuan Chee akan mengetuai orang-orang yang dibekalkan oleh Sultan Ismail dan bertempur.
- d) Senjata dan peluru untuk tujuan di atas serta perbelanjaan akan dibiayai oleh Ngah Ibrahim.
- e) Jumlah \$25,000 mesti dibayar kepada Woods oleh Ngah Ibrahim dengan kadar segera.

Seterusnya, Ngah Ibrahim dengan bantuan Nakhoda Trang mengadakan satu mesyuarat lagi di Kota Belanda, muara Sungai Perak pada 25 Oktober 1874. Mesyuarat tersebut dihadiri oleh Sultan Abdullah, Laksamana, Shahbandar, Raja Mahkota, Dato Mata-mata dan Lee Cheng Tee. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah Ngah Ibrahim ingin mendapatkan surat kuasa bagi beliau membawa kes mencabar kesahihan Perjanjian Pangkor ke Parlimen England dengan segala perbelanjaan akan diuruskan oleh beliau sendiri.

Dalam mesyuarat tersebut, Laksamana juga mengusulkan agar Sultan Abdullah memberikan surat kuasa kepada Ngah Ibrahim untuk mentadbir negeri Perak sebagai helah bagi mengelak Residen British yang akan dilantik daripada mengambil alih kuasa baginda kelak. Sultan Abdullah pada awalnya bersetuju tetapi kemudiannya menolak usul itu setelah dinasihatkan bahawa penyerahan kuasa ini sebagai satu kerugian oleh Lee Cheng Tee (Abdullah Zakaria Ghazali, 1997: 21). Segala usaha untuk membatalkan Perjanjian Pangkor yang dipelopori oleh Ngah Ibrahim ini akhirnya dapat diketahui oleh Birch. Dalam catatan hariannya pada 30 Oktober 1874, Birch menulis bahawa beliau mengetahui rancangan itu dan Ngah Ibrahim turut terlibat:

“Mr. Woods returned the same day and gave out that he had engaged by Ismail who given him \$20,000 on the nail, and an agreement to get \$50,000 eventually to go home and represent his case to Parliament.. I also heard the Mantri was there...” (Burns, 1976: 82).

Bagi mengekang usaha membatalkan Perjanjian Pangkor ini, pihak British segera bertindak mengeluarkan satu surat pengisytiharan yang menyatakan kerajaan England

merestui perjanjian tersebut dan sesiapa yang ingkar Perjanjian Pangkor yang ditandatangani dengan sukarela itu akan dihukum pada 2 November 1874 (Abdullah Zakaria Ghazali, 1997: 21-22). Namun, hubungan Birch dengan Ngah Ibrahim masih dalam keadaan baik kerana beliau masih mempercayai bahawa Ngah Ibrahim tidak akan berani berbuat demikian. Buktinya, beliau menulis seperti berikut: *“I had no doubt the Mantri would behave properly and until he did really misbehave the Pankore Treaty must be observed”* (Burns, 1976: 98).

Pandangan Birch terhadap Ngah Ibrahim itu turut diperkukuhkan menerusi catatannya pada 7 November 1874. Beliau bukan sahaja mengakui pengaruh Ngah Ibrahim yang mempunyai ramai pengikutnya tetapi juga memuji rancangan Ngah Ibrahim untuk membangunkan Larut seperti yang dicatatkan oleh Burns (1976: 99) seperti berikut:

“He was very nice in his manners.. His manner on the whole was very good. He showed me a very good plan he had made of Larut mines, town etc., and Bukit Gantang and his house. He is unhappy there is no doubt, but he wants money for his house to make it a really nice place.. He also wanted two roads through a lot of ground that will open new mines.”

Namun, pandangan baik Birch terhadap Ngah Ibrahim mula tergugat dan berubah apabila pentadbir kolonial British dapat mengetahui kebijaksanaan dan kelicikan Ngah Ibrahim dalam menentang Birch. Pihak British menyedari bahawa Ngah Ibrahim tidak berpuas hati ekoran kehilangan kuasa dan kedudukannya sebagai pemerintah di Larut. Pada 16 November 1874, Clarke mengirimkan sepucuk surat kepada Birch yang menasihatinya agar berhati-hati dan mengawasi tindak tanduk Ngah Ibrahim. Perkara ini jelas dinyatakan oleh Clarke melalui catatan oleh Wyne (1941: 300) seperti berikut:

“You will have to watch the Mentri with all your eyes, and urge Speedy to do the same. Speedy will still believe in him.. What is still more difficult for the Mentri to accept is that he could not have been in the position he is had we not interfered .. .”

Hubungan Ngah Ibrahim dengan Birch mulai dingin apabila Birch menerima memo dari Pulau Pinang yang menyatakan rancangan Ngah Ibrahim mengupah Woods ke England untuk membatalkan Perjanjian Pangkor (ECCOP: 5). Dalam pertemuan di Batak Rabbit pada 25 November 1874, beliau sendiri bertanya kepada Ngah Ibrahim mengenai kesahihan memo itu. Ngah Ibrahim sebaliknya menafikan perkara tersebut dan cuba mengalih perhatian Birch dengan membincangkan kedudukannya di Larut. Beliau mengulangi kenyataannya bahawa tidak memahami Perjanjian Pangkor sehinggalah Leftenan Kolonel Anson menerangkan kepadanya. Bagi menyelesaikan isu yang dibawa oleh Ngah Ibrahim ini, Birch meminta beliau mengemukakan surat kuasa yang dikurniakan oleh Sultan Perak. Ngah Ibrahim sekali lagi cuba berdalih dengan menyatakan bahawa salinan surat kuasanya itu ada di Pulau Pinang (Burns, 1976: 130-131).

Hubungan Ngah Ibrahim dengan Birch kian diburukkan apabila Birch mendapat maklumat daripada dua orang pengikut Sultan Abdullah yang menyatakan bahawa Ngah Ibrahim mengeluarkan kenyataan untuk mempengaruhi Sultan Perak itu menentang British pada malam 30 Disember 1874. Dalam pertemuan dengan Sultan Abdullah itu, Ngah Ibrahim menyatakan seperti berikut:

“Mantri came and asked the Sultan a power for [sic] to be Ambassador. The Sultan said yes – we will see that afterwards. Then he said don’t your Majesty trust this Mr. Birch. I have consulted the English Lawyers and know that the

Colonial Office will never interfere in the Malay Peninsula. Your Majesty will see our example in Captain Speedy. I gave him pay and he worked under me and how has he treated me since. I have the same opinion of Mr. Birch. How dare he put Europeans to take charge of Salama, and how can they receive all the taxes from Laroot and keep for themselves and never render you the account. I think by and bye Mr. Birch will keep many more Europeans to take charge of the country, and have stations, Sepoys and Police. After a few years they will surely drive us out of the country. Now I think the plan is when I have got a power from your Majesty I will try my best and consult with Raja Ismael and Yusuf and all the Cheifs to make the coronation amongst ourselves, since our country is not an independent country like others. I have considered many days upon this case. It is improper for Your Majesty to follow the Resident, for his rank is only that of a Datu. We were all forced to sign the treaty. It is not with our own consent. Therefore I think if we go before the law the Pangkore treaty will be void” (Burns, 1976: 178; ECCOP: 7).

Menerusi kenyataan tersebut, Birch mengetahui dengan jelas bahawa Ngah Ibrahim tidak berpuas hati dengan pentadbiran British di Larut dan mengetuai usaha menentang pihak British. Ngah Ibrahim didapati menasihati Sultan Abdullah supaya tidak mempercayai dan menerima nasihat Birch yang kedudukannya seperti seorang Dato sahaja. Tindakan Speedy di Larut yang berpaling tadah digunakan sebagai contoh oleh Ngah Ibrahim dalam mempengaruhi baginda bahawa pihak British akan merampas negeri Perak. Beliau juga menyatakan bahawa Birch akan membawa masuk ramai orang Inggeris ke negeri ini dan semua pembesar Melayu akan diusir oleh pihak British nanti.

Ketegangan hubungan antara Ngah Ibrahim dengan Birch terus berlarutan susulan ancaman dan ugutan keras pegawai kolonial British tersebut yang mencabar kewibawaan seorang pembesar Melayu. Dalam pertemuan di Belanja pada 3 Januari 1875, Birch menegur lalu menuduh kenyataan Ngah Ibrahim yang menentang pihak British baru-baru ini dan tindakannya untuk membatalkan Perjanjian Pangkor. Beliau juga mengugut Ngah Ibrahim akan kehilangan kedudukan sebagai pemerintah Larut sekiranya perjanjian itu terbatal. Lebih memburukkan keadaan, Birch turut memberikan amaran bahawa beliau tidak teragak-agak untuk memecat Ngah Ibrahim. Ngah Ibrahim sebaliknya menafikan segala tuduhan tersebut tetapi Birch tidak mempercayainya (Burns, 1976: 181).

Dalam pertemuan seterusnya pada 6 Januari 1875, Ngah Ibrahim sekali lagi menggunakan kelicikannya dengan berani menyatakan kepada Birch bahawa Perjanjian Pangkor tidak pernah dijelaskan dengan nyata. Birch membalas dengan mengingatkan kenyataan Ngah Ibrahim sebelum ini yang pernah menerima penerangan daripada Anson mengenai perjanjian tersebut. Beliau juga menyindir Ngah Ibrahim dengan sudi merundingkan setiap syarat-syarat perjanjian itu dengan bantuan penterjemahnya, Munsyi Mohamed Syed. Ngah Ibrahim terpaksa mengakui penyerahan Dinding dan meluahkan kerisauannya terhadap hak terhadap wilayah Kerian (Burns, 1976: 184).

Hubungan Ngah Ibrahim dengan Birch semakin tegang apabila Birch mula menyedari beliau kerap mengadakan mesyuarat rahsia bersama-sama dengan Raja Bendahara dan Raja Yusof. Birch turut mensyaki Ngah Ibrahim melakukan gerakan menentangnya. Dalam catatan pada 17 Januari 1875, Birch menulis: *“The Mantri’s secret meetings with Yusuf and the Bendahara are getting very frequent and very suspicious”* (Burns, 1976: 197).

Prasangka Birch terhadap Ngah Ibrahim itu menjadi kenyataan apabila Raja Yusof sendiri memaklumkan kepada beliau bahawa semua pembesar Melayu Perak sedang berusaha untuk memansuhkan Perjanjian Pangkor pada 18 Januari 1875. Baginda juga menuduh Ngah

Ibrahim yang mengetuai usaha tersebut. Birch menulisnya seperti berikut: “*He says plainly that they are all working to break the Pankore treaty. He points directly at the Mantri, which is I know really true*” (Burns, 1976: 197-198).

Setelah mendengar penjelasan daripada Raja Yusof ini, Birch sangat marah dan rasa amat terhina atas kegagalan percubaan beliau memujuk Sultan Ismail dahulu yang berpunca daripada tindakan Ngah Ibrahim. Dalam catatannya, Birch menulis: “*Here we were very deliberately and plainly insulted, and whether old Ismael partly to it I am very doubtful. All I know is that the Mantri is No. 1*” (Burns, 1976: 200).

Walau bagaimanapun, ketegangan hubungan antara Ngah Ibrahim dengan Birch kembali reda pada Mac 1875. Perkara ini mungkin berpunca daripada kegagalan usaha Ngah Ibrahim membawa tuntutan pemansuhan Perjanjian Pangkor ke London. Usaha tersebut terhenti ekoran Wood yang meninggal dunia secara tiba-tiba pada 16 Mac 1875. Birch mencatatkan hubungan baiknya dengan Ngah Ibrahim apabila mereka berbual panjang dengan penuh kemesraan pada 25 Mac 1875 (Burns, 1976: 244).

Hubungan baik antara Ngah Ibrahim dengan Birch jelas ketara dalam projek menaik taraf jalan utama di Larut. Ngah Ibrahim mendapat kontrak bernilai \$2400 untuk kerja-kerja menaik taraf jalan dari Simpang ke Bukit Gantang. Pada 7 Mac 1875, Ngah Ibrahim berbincang mengenai jalan tersebut semasa Birch yang melawat Bukit Gantang. Beliau juga memberitahu Birch bahawa berasa cemas untuk menyambungkan kerja-kerja naik taraf jalan tersebut dari Bukit Gantang hingga ke Kuala Kangsar (Burns, 1976: 233). Dalam laporannya, Birch menulis seperti berikut:

“There is a well traced road, and once available for cart traffic, from Sempang to Bukit Gantang, and this is now being put into order under the Mantri’s supervision on a contract” (Birch’s Report On Perak, 2 April 1875).

Pada 11 Julai 1875, Birch sekali lagi memuji usaha Ngah Ibrahim dalam kerja menaik taraf jalan di Bukit Gantang. Berikut pujian yang diberikan oleh beliau: “*The Mantri has very much improved the road between his house and the village*” (Burns, 1976: 295). Di sebalik hubungan baik dengan Birch itu, Ngah Ibrahim sebenarnya masih meneruskan perjuangan beliau menentang British secara rahsia. Beliau juga lebih berhati-hati dan tidak menunjukkan ketidakpuasan hati terhadap Birch. Oleh itu, kebanyakan tindakan Ngah Ibrahim dilaksanakan oleh wakilnya, Penghulu Mat Ali. Tindakan licik ini dapat mengaburi dan melindungi penglibatan beliau secara langsung dalam merancang gerakan penentangan terhadap British tersebut. Buktinya, Ngah Ibrahim menghantar Penghulu Mat Ali untuk hadir ke mesyuarat merancang pembunuhan Birch di Durian Sebatang pada 21 Julai 1875 sedangkan beliau bersama Temenggung mengikuti Birch mengadakan lawatan di Kuala Kangsar dalam masa yang sama. Meskipun tidak hadir, Ngah Ibrahim bersetuju dengan keputusan mesyuarat tersebut untuk membunuh Birch dan bersedia menyediakan bantuan kewangan (Abdullah Abd Hamid & Azharuddin, 2017: 111).

Selain itu, Ngah Ibrahim berjaya menentang usaha Birch menguasai negeri Perak dengan mempengaruhi Sultan Ismail untuk menolak beberapa kali cadangan penyerahan kuasa kepada British. Dalam mesyuarat di Kinta pada 21 Ogos 1875, beliau turut menasihati baginda supaya tidak menandatangani dua surat yang dibawa oleh Birch (Abdullah Zakaria Ghazali, 1997: 83). Kemuncaknya, Ngah Ibrahim berjaya membuat Sultan Ismail menolak permintaan Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir William Jervois agar baginda menurunkan tandatangan ke atas surat penyerahan kuasa kepada British dalam rundingan di Belanja pada 12 dan 13 September 1875. Beliau juga dikatakan menulis surat bagi pihak Sultan Ismail untuk menolak cadangan Jervois itu (Abdullah Zakaria Ghazali, 1997: 87).

Rundingan di Belanja ini menjadi pertemuan terakhir antara Ngah Ibrahim dengan Birch. Ngah Ibrahim kembali ke Larut manakala Birch sibuk dalam usahanya memaksa Sultan Abdullah untuk menurunkan kuasa pentadbiran negeri Perak kepada British. Beberapa bulan selepas itu, Birch akhirnya dibunuh oleh Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya di Pasir Salak pada 2 November 1875. Berdasarkan hubungan antara Ngah Ibrahim dengan Birch yang berlangsung ini, jelaslah bahawa Ngah Ibrahim terbukti sebagai seorang pembesar Melayu Perak yang bijaksana dan licik dalam perjuangan menentang British dengan menggunakan pendekatan berdiplomasi dan perundangan. Kegagalan usaha diplomasinya dalam menentang pihak British akhirnya menyebabkan Ngah Ibrahim terpaksa menyokong jalan penyelesaian terakhir para pembesar Melayu Perak iaitu membunuh Birch.

Kesan Pembunuhan Birch

Kematian Birch menjadi peluang keemasan kepada pihak British bagi menghapuskan halangan-halangan bagi menguasai negeri Perak dengan mudah. Pihak British segera bertindak balas terhadap semua pembesar Melayu Perak termasuklah Ngah Ibrahim. Mereka yang terlibat dijatuhkan hukuman oleh pihak British. Pada peringkat awal, Ngah Ibrahim hanya disekat daripada keluar daripada Kota Larut dan dikenakan tahanan dalam rumah bagi tujuan membantu siasatan (Abdullah Zakaria Ghazali, 1997: 152). Penghulu Mat Ali selaku orang kanan Ngah Ibrahim juga gagal melakukan serangan terhadap Kota Setia kerana berjaya ditahan oleh pihak British.

Bagi mengaburi penglibatannya dalam pembunuhan Birch, Ngah Ibrahim turut berpura-pura menyokong pihak British. Beliau memberikan bantuan tenaga perang iaitu kira-kira 25 ekor gajah sebagai pengangkutan kepada tentera British (Abdullah Abd Hamid & Azharuddin, 2017: 112). Menurut Kapten Speedy, Ngah Ibrahim juga membantu membina jalan perhubungan untuk kegunaan tentera British dari Bukit Berapit ke Kampung Boyah (Kampung Buaya) di Padang Rengas (*Further Correspondence Relating To The Affairs Of Certain Native States In The Malay Peninsula*, London, 1876: 142).

Menjelang akhir tahun 1876, kesemua pembesar Melayu Perak termasuk Sultan Abdullah ditahan dan disiasat oleh pihak British. Pada Disember 1876, Majlis Mesyuarat Kerja di Singapura menjatuhkan hukuman buang negeri kepada Sultan Abdullah dan pembesar Melayu Perak (Abdullah Zakaria Ghazali, 1993: 44-45). Oleh sebab tiada bukti kukuh mengenai penglibatan Ngah Ibrahim dalam pembunuhan Birch, pihak British terpaksa melaksanakan tipu helah dengan memanggil beliau ke Singapura pada 26 Mac 1877. Setiba di Singapura, Ngah Ibrahim ditahan oleh pihak British pada 28 Mac 1877. Keesokannya, Swettenham dan John Douglas, Setiausaha Kolonial memaklumkan bahawa Ngah Ibrahim tidak dibenarkan pulang ke Larut tanpa memberitahu alasan penahanan beliau. Sepanjang tahanan tersebut, Ngah Ibrahim tidak dibenarkan untuk menerima bantuan guaman. Beliau kemudiannya membuat rayuan atas ketidakadilan tersebut kepada Anson pada 11 Jun 1877 (Abdullah Zakaria Ghazali, 1993: 46; Abdullah Abd Hamid & Azharuddin, 2017: 113).

Bagi menghukum Ngah Ibrahim, sebanyak tujuh pertuduhan yang berkaitan konspirasi pembunuhan Birch dilakukan ke atas beliau oleh pihak British. Berikut adalah merupakan tuduhan-tuduhan yang dihadapi oleh Ngah Ibrahim:

1. Menghantar Penghulu Mat Ali mewakilinya dalam mesyuarat di Durian Sebatang pada 21 Julai 1875 untuk merancang pembunuhan Birch.
2. Setelah mengetahui keputusan mesyuarat di Durian Sebatang, Ngah Ibrahim memberikan wang sebanyak \$1,000 kepada Penghulu Mat Ali untuk memberi senjata dan mengarahkan beliau menyerang Kota Setia apabila Birch mati dibunuh.

3. Pada Ogos 1875, Ngah Ibrahim menghadap Sultan Ismail dan memperakui baginda melaksanakan rancangan yang diputuskan dalam mesyuarat di Durian Sebatang.
4. Pada September 1875, Ngah Ibrahim secara terbuka menyatakan persetujuan membunuh Birch oleh Dato' Maharaja Lela dalam satu mesyuarat bersama Laksamana, Maharaja Lela, Tuk Nara dan Raja Yahya.
5. Ngah Ibrahim menasihati Sultan Ismail menolak cadangan Gabenor dan memberikan kuasa kepada Maharaja Lela untuk membunuh Birch.
6. Dalam mesyuarat yang sama, Ngah Ibrahim dan Laksamana akan memberikan bantuan kepada Maharaja Lela serta akan menyerang Kuala Kangsar.
7. Ketika perbincangan kes pembunuhan Birch berjalan, Ngah Ibrahim mengarahkan Penghulu Mat Ali menyerang Kota Setia.

Di samping itu, Majlis Mesyuarat Kerja yang diketuai oleh Jervois mendapati bahawa Ngah Ibrahim sangat berbahaya dan mampu mencetuskan kebangkitan menentang British di Perak. Menerusi keputusan yang dicapai oleh pihak British sejak Disember 1876, Ngah Ibrahim bersama Sultan Abdullah, Laksamana Muhammad Amin dan Dato Shah bandar Uda Maamor dijatuhkan hukuman buang negeri ke Pulau Seychelles. Pada 20 Julai 1877, beliau bersama Sultan Abdullah dan pembesar Melayu Perak yang lain berangkat menaiki kapal Carthstone. Mereka tiba di Pulau Seychelles pada 30 Ogos 1877.

Kehidupan Ngah Ibrahim di Pulau Seychelles tidak begitu selesa. Beliau didapati masih mempertahankan jati dirinya sebagai orang Melayu. Walaupun memahami bahasa tempatan iaitu *Creole French*, Ngah Ibrahim sentiasa memakai pakaian Melayu serta menaruh harapan kepada negeri dan keluarganya (Abdullah Abd Hamid & Azharuddin, 2017: 54; Talib Samat, 2006: 80). Hal ini berbeza dengan Sultan Abdullah dan Laksamana yang dapat menyesuaikan diri serta menerima bahasa dan budaya tempatan pulau tersebut. Pada 7 Disember 1882, Ngah Ibrahim mengemukakan rayuan pembebasannya melalui Leftenan Gabenor Mauritius, F. Napier Broome kepada Lord Kimberley iaitu Setiausaha Tanah Jajahan. Dalam surat rayuan tersebut, Ngah Ibrahim memaklumkan beliau dihukum tanpa perbincangan dan memohon dihantar pulang ke negeri Melayu atau mana-mana negeri Islam di bawah pentadbiran British. Malangnya, rayuan tersebut ditolak oleh Pejabat Kolonial di London pada 30 Januari 1883 (Talib Samat, 2006: 50).

Selepas kira-kira 12 tahun kemudian, Ngah Ibrahim sekali lagi cuba memohon rayuan pembebasannya dan ditempatkan di Singapura atau Pulau Pinang pada 3 Januari 1889. Dalam suratnya, Ngah Ibrahim menyatakan bahawa beliau semakin berusia dan mahu mendekati diri kepada Allah tetapi hasratnya itu sukar dilakukan di Seychelles. Beliau juga memberitahu bahawa sekiranya meninggal dunia, beliau mahu dikuburkan berhampiran kawasan keluarganya dan dikebumikan secara Islam. Akhirnya, permohonan Ngah Ibrahim ini mendapat pertimbangan daripada Pejabat Kolonial. Pada 25 September 1889, pihak British membenarkan beliau berpindah ke Sarawak (Talib Samat, 2006: 53).

Berikutan kelulusan Pejabat Kolonial di London mengenai permohonan pulang ke Singapura oleh Sultan Abdullah, Ngah Ibrahim turut dibenarkan menetap ke Singapura pada Januari 1893. Walaupun dibenarkan pulang ke Singapura, beliau dikenakan dengan beberapa syarat yang ketat oleh pihak British seperti menggugurkan gelaran Tengku Menterinya dan tidak boleh berhubung dengan sesiapa di Tanah Melayu (Abdullah Zakaria Ghazali, 1997: 254). Beliau hanya dibenarkan pergi ke Pulau Pinang untuk menemui semula isterinya dan pulang kembali ke Singapura. Ngah Ibrahim juga dikatakan memohon kebenaran pihak British untuk menunaikan haji ke Makkah. Permohonan beliau tersebut mendapat kelulusan daripada Sultan Perak dan pihak British. Namun, hasrat itu tidak sempat disempurnakan kerana Ngah Ibrahim meninggal dunia di Singapura pada 4 Februari 1895 dan dikebumikan di Perkuburan Al-Junied, Singapura. Setelah terasing lama di bumi asing, tinggalan jenazah

Ngah Ibrahim bersama Laksamana Muhammad Amin¹⁶ dibawa pulang oleh kerajaan Negeri Perak. Jenazah Ngah Ibrahim akhirnya dikebumikan dengan penuh istiadat ketenteraan di perkarangan Kota Ngah Ibrahim, Matang pada 9 September 2006.

Kesimpulan

Bibit-bibit ketidakpuasan hati yang timbul ekoran Perjanjian Pangkor 1874 banyak mempengaruhi hubungan antara Ngah Ibrahim dengan Birch. Sejak awal lagi, Ngah Ibrahim menentang perjanjian tersebut apabila pihak British melakukan penipuan dan menafikan hak beliau sebagai pemerintah yang berdaulat di Larut. Beliau bersama bapa mertuanya, Laksamana Muhammad Amin muncul sebagai pembesar Melayu Perak terawal yang berjuang menentang British. Penentangan yang dianjurkan oleh kedua-dua pembesar Melayu Perak ini bukanlah bersifat kekerasan tetapi sebaliknya bermula dengan pendekatan berdiplomasi dengan British dan diikuti dengan cara perundangan. Namun bagi pihak British, tindakan Ngah Ibrahim dan Laksamana Muhammad Amin ini sangat berbahaya dan menggugatkan campur tangan mereka terhadap negeri Perak. Malahan, Jervois dalam laporannya kepada Earl of Carnarvon pada Disember 1876 menyatakan bahawa Ngah Ibrahim bersama bapa mertuanya mampu mencetuskan kebangkitan sekiranya masih berada di Perak. Dalam suratnya, Jervois menulis beliau sebagai:

“as a clever scheming man and Abdullah himself has stated that the menteri and his father-in-law, the laksamana, were the two principal originators of the disturbances” (Proceedings of the Executive Council and correspondence upon the case of Ex-Sultan Abdullah and other Perak Chiefs: 3).

Berbeza dengan Birch, beliau dijadikan sebagai kambing hitam kepada usaha pihak British menegakkan pentadbiran kolonial mereka di Perak. Kehadiran Birch sama ada sebelum atau selepas menjadi Residen British di Perak mendapat tentangan daripada Ngah Ibrahim. Birch digunakan oleh pentadbir British bagi menjayakan penjajahan mereka secara kekerasan. Perjuangan Ngah Ibrahim bukan sahaja berjaya menggagalkan misi Birch untuk memujuk Sultan Ismail mengiktiraf Perjanjian Pangkor tetapi beliau turut menyusun gerakan membatalkan perjanjian tersebut bagi menghalang pelantikan Residen British tersebut ke Parlimen England. Kegagalan usaha diplomasi ini akhirnya menyebabkan Ngah Ibrahim menyokong pakatan membunuh Birch. Malangnya, pembunuhan itu menyebabkan beliau menjadi mangsa politik oleh pihak British yang menghukumnya tanpa sebarang perbicaraan.

Setelah menelusuri hubungan antara Ngah Ibrahim dengan Birch, jelas dapat dilihat bahawa hubungan tersebut merupakan satu manifestasi sebenar mengenai kebangkitan orang Melayu Perak dalam menentang pihak British pada tahun 1875. Tindakan membunuh Birch merupakan tindak balas terakhir bagi pejuang Melayu Perak setelah jalan perundingan dan diplomasi menemui kegagalan. Perkara itu jelas ditunjukkan oleh Ngah Ibrahim yang sentiasa berunding dan berdiplomasi sepanjang hubungannya dengan Birch terutamanya pada peringkat awal. Namun, keegoan dan sikap keras Birch dalam hubungan dengan Ngah Ibrahim kemudiannya memberikan tekanan kepada beliau bersama para pembesar Melayu Perak yang lain untuk membunuh Birch. Secara tidak langsung, penentangan orang Melayu Perak terhadap British bukanlah satu kekacauan seperti yang didakychkan oleh pihak kolonial tetapi penentangan tersebut adalah merupakan satu usaha mempertahankan kedaulatan negeri Perak.

Kesimpulannya, hubungan antara Menteri Ngah Ibrahim dengan Birch yang berlaku kira-kira 150 tahun ini jelas menggambarkan pertembungan politik yang berlaku antara para pembesar Melayu Perak dengan pihak British selepas termeterainya Perjanjian Pangkor.

Penilaian semula terhadap hubungan antara kedua-dua personaliti sejarah Perak tersebut mendedahkan bentuk penjajahan kolonial British yang dilaksanakan dengan cara kotor dan penipuan sejak Perjanjian Pangkor hingga terhukumnya pejuang Melayu Perak.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang menyumbang kepada kejayaan kajian ini terutamanya Encik Izmal Karim atas kesudiannya berkongsi koleksi J. F. McNair yang menyimpan gambar-gambar negeri Perak daripada *National Archives United Kingdom*, Puan Noraini Hassan, Muzium Matang dan beberapa individu lain secara langsung dan tidak langsung yang terlibat.

Nota

1. Menurut Talib Samat, Kapten Speedy turut dilantik menjadi setiausaha peribadi kepada Ngah Ibrahim. Lihat, Talib Samat, *Biografi Ringkas Orang Kaya Menteri Paduka Tuan Ngah Ibrahim Bin Long Jaafar (1836-1895) dan Kegiatan Memertabatkannya Semula*, Penang, Goal Intelligent Publishing Sdn. Bhd., 2006, hlm. 33.
2. Che Long Jaafar adalah anak kepada Dato' Paduka Setia Long Abdul Latif dan menantu kepada Dato' Panglima Bukit Gantang Alang Alaidin. Keluarga beliau berasal dari Nyah Besahing dari Aceh. Pada usia remajanya, beliau dikenali sebagai Long Jaafar Pusing Langit kerana kelicikannya dan pernah berhijrah ke Teluk Belanga, Singapura. Sekembalinya dari Singapura, Che Long Jaafar telah bekerja sebagai pemungut hasil kepada Dato' Panglima Bukit Gantang di Kerian dan Kurau. Che Long Jaafar telah menemui bijih timah secara tidak sengaja ketika beliau sedang mandi di Sungai Larut (kawasan tersebut ialah di tapak Penjara Taiping sekarang) lalu menamakan tempat itu sebagai Klian Pauh.
3. Jika diperhatikan kepada nama-nama leluhur Ngah Ibrahim, penggunaan Pandak, Alang, Long, Kulup, Ngah dan Busu amat ketara.
4. Selepas kejayaan mengusahakan perusahaan perlombongan bijih timah, Long Jaafar bertindak memajak jajahan ini daripada Dato' Panglima Bukit Gantang Alang Alaidin dengan bayaran \$125 setahun. Pada 6 November 1850, Long Jaafar mendapat geran ke atas Larut dengan bantuan Raja Ngah Ali. Bagi memperkukuhkan hak, Long Jaafar sekali lagi memohon geran ke atas Larut yang baharu daripada Sultan Jaafar pada 8 November 1856. Selepas Long Jaafar meninggal dunia, pentadbiran Larut diuruskan buat sementara waktu oleh abang Long Jaafar, Ngah Lamat selama dua tahun. Meskipun melepaskan kuasanya di Larut, Ngah Lamat masih berkuasa di Kubang Buaya dan mempunyai kuasa membeli bijih timah yang diuruskan oleh agen-agennya seperti Che Musa dan Che Lah. Untuk mengetahui lebih lanjut, sila rujuk Khoo Kay Kim, *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu*, Petaling Jaya, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1984.
5. Menurut Ahmad Jelani Halimi, kapal wap yang pertama dimiliki oleh Ngah Ibrahim ini ditempah khas dari England dengan harga \$25,000. Sila rujuk, Ahmad Jelani Halimi, *Perdagangan dan Perkapalan Perak Abad ke-18 dan ke-19, Misa Perak Jurnal Bilangan 2025/2026*, Ipoh, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Perak, 2025.
6. Gelaran Orang Kaya Menteri Paduka Tuan merupakan salah satu gelaran Orang Besar Empat Negeri Perak yang wujud sejak awal zaman Kesultanan Melayu Perak. Menurut dokumen *Royal Family and Chiefs in Perak*, gelaran tradisi ini diwarisi oleh zuriat Sayid Sharif bangsa Hashim bin Jamalulail bin Hussain yang di dalam negeri Perak. Misa Melayu pula mencatatkan bahawa nama Orang Kaya Menteri Paduka Tuan yang pertama

ialah Pakih Yusof pada tahun 1740-an. Beliau meletakkan jawatan ini dan diwarisi oleh Sharif Hussain sebagai Menteri. Dalam tahun 1863, Sultan Jaafar memberikan gelaran ini kepada Che Ngah Ibrahim dan diwarisi oleh keturunannya sehingga kini serta menjadi Orang Besar Jajahan Larut.

7. Menurut *Straits Settlements No.2687, Enlistment Of Sepoys by Captain Speedy at Calcutta for the service in Laroot*, jelas dinyatakan bahawa Kapten Speedy diambil bekerja oleh Ngah Ibrahim dan beliau bertanggungjawab mengambil seramai 200 orang Pathan dan Punjabi dari India untuk berkhidmat sebagai pasukan keselamatan di Larut. Usaha penubuhan pasukan sepoi ini mendapat sokongan daripada Kerajaan Negeri-negeri Selat dan diluluskan oleh Wizurai British di India.
8. Selain daripada Menteri Ngah Ibrahim, Sir Harry Ord menjalin hubungan baik dan bersahabat rapat dengan Sultan Abu Bakar Johor. Beliau juga menghormati pemerintahan Raja-raja Melayu dan menyebabkan beliau tidak disukai oleh golongan pedagang asing di Negeri-negeri Selat. Sila rujuk, Peter J. Drake, Sir Harry St George Ord: First Colonial Governor of the Straits Settlements dalam Sultan Nazrin Shah (ed.), *Chronicling Themes in the Economic and Social History of Malaysia*, Singapore. World Scientific Publishing Co. Pte. Ltd., 2026.
9. Sir Andrew Clarke merupakan Gabenor Negeri-negeri Selat yang berkhidmat pada tahun 1874 hingga 1875 dan menggantikan Sir Harry Ord. Beliau merupakan pegawai British yang bertanggungjawab memulakan dasar campur tangan British di Negeri-negeri Melayu.
10. Antara pedagang asing di Negeri-negeri Selat yang berminat menguasai Larut ialah Lee Kim Cheng kerana beliau pernah menawar diri untuk membantu Raja Muda Abdullah dan Menteri Ngah Ibrahim menyelesaikan pergaduhan puak Ghee Hind an Hai San. Menteri Ngah Ibrahim menolak tawaran tersebut kerana syaratnya boleh mengancam kedudukannya di Larut sedangkan Raja Muda Abdullah berjanji akan melantik Lee Kim Cheng sebagai pemungut hasil di Larut selama 10 tahun.
11. Menurut Azmi Ariffin, pihak British sering memberikan gambaran-gambaran yang hanya menonjolkan aspek negatif mengenai peribumi atau mitos-mitos tentang kejahatan peribumi atas kepentingan kolonialisme mereka. Sila rujuk, Azmi Arifin, *Kolonialisme British, Pergaduhan Kongsi Gelap Cina dan Perebutan Takhta di Perak 1871-1874*, dalam Abdul Rahman Hj. Ismail dan Azmi Arifin, *Sejarah Malaysia, Wacana Kedaulatan Bangsa, Kenegaraan dan Kemerdekaan*, hlm. 62 & 63.
12. Ernest Birch mengikuti jejak langkah bapanya berkhidmat di Perak apabila menjadi Residen British di negeri ini pada tahun 1904 hingga 1911. Beliau turut membina semula kubur bapanya di Bandar Baru dan mendirikan dua buah tugu peringatan bagi mengenang pembunuhan bapanya di Pasir Salak dan Ipoh.
13. Menurut Frank Swettenham dalam bukunya bertajuk *Malay Sketches*, beliau menyatakan bahawa Birch tidak boleh berbahasa Melayu dan hal ini menyukarkan hubungannya dengan pembesar-pembesar Melayu Perak. Sila rujuk, Swettenham, F. A., *Gelagat dan Ragam Orang Melayu*, Kuala Lumpur, IBDE Ilham Sdn. Bhd, 2022.
14. Perkara ini tidak benar kerana selepas kegagalan Raja Muda Abdullah untuk hadir ke upacara pemakaman Sultan Ali, Menteri Ngah Ibrahim sebenarnya memilih Raja Usman iaitu putera Sultan Ali sebagai Sultan Perak yang baharu. Namun, Raja Usman menolak pemilihan itu dan Menteri Ngah Ibrahim pun menyokong cadangan pembesar yang lain untuk menabalkan Raja Bendahara Ismail sebagai Sultan Perak yang baharu. Malahan, Raja Bendahara Ismail juga pada peringkat awal tidak menolak pencolanan sebagai pengganti Sultan Perak yang baharu. Sila rujuk, Burn, P. L., *The Journal of J.W.W. Birch: The First British Resident to Perak, 1874-1875*, hlm. 7.

15. Menurut Abdullah Zakaria Ghazali, Perjanjian Pangkor disahkan oleh kerajaan British pada tahun 1875. Sila rujuk, Abdullah Zakaria Ghazali, Perjanjian Pangkor 1874 Dalam Sejarah, *Misa Perak Jurnal Bilangan 2025/2026*. Ipoh, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Perak, 2025, hlm. 49.
16. Beliau meninggal dunia di Singapura pada tahun 1904 akibat penyakit beri-beri dan dikebumikan di Pusara Aman, Choa Chu Kang, Singapura.

Bibliografi

- Abdullah Abdul Hamid. (2020). *Ngah Ibrahim Jutawan Melayu Abad ke-19*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Abdullah Abdul Hamid & Azharudin Mohamed Dali. (2017). *Ngah Ibrahim: Tokoh Pejuang Mempertahankan Maruah Dan Kedaulatan Bangsa: Malaysia Dari Segi Sejarah*. Kuala Lumpur, Persatuan Sejarah Malaysia.
- Abdullah Zakaria Ghazali. (1990). *Menteri Ngah Ibrahim bin Long Jaafar*. Seminar Sejarah Larut Matang dan Selama ke Arah 'Taiping Bandar Bersejarah', 19-20 November 1990.
- Abdullah Zakaria Ghazali. (1993). *Ngah Ibrahim Orang Kaya Menteri Paduka Tuan*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Abdullah Zakaria Ghazali. (2023). "Orang Kaya-kaya Laksamana Raja Mahkota Muhammad Amin bin Alang Duakap: Pejuang Melayu Perak Menentang British di Perak 1874-1877." *Purba Jurnal Persatuan Muzium Malaysia Bilangan 42*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Abdullah Zakaria Ghazali. (1992). "Orang Kaya Menteri Paduka Tuan Ngah Ibrahim bin Long Jaafar, 1840-1895: Satu Kajian Mengenai Perjuangannya Menentang British di Perak." *Purba Jurnal Persatuan Muzium Malaysia Bilangan 11*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Abdullah Zakaria Ghazali. (1997). *Pasir Salak Pusat Gerakan Menentang British di Perak*. Ipoh: Yayasan Perak.
- Abdullah Zakaria Ghazali. (2025). "Perjanjian Pangkor 1874 Dalam Sejarah." *Misa Perak Jurnal Bilangan 2025/2026*. Ipoh: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Perak.
- Abdullah Zakaria Ghazali. (2024). "Perjanjian Pangkor 20 Januari 1874: Menyingkap 150 Tahun Memori Sejarah Orang Melayu." *Purba Jurnal Persatuan Muzium Malaysia Bilangan 43*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Abdullah Zakaria Ghazali. (1979/80). "Pembunuhan J.W.W. Birch: Suatu Kajian Tentang Pembunuhannya." *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies Bil. 9*.
- Ahmad Jelani Halimi. (2025). "Perdagangan dan Perkapalan Perak Abad ke-18 dan ke-19." *Misa Perak Jurnal Bilangan 2025/2026*. Ipoh: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Perak.
- Azmi Arifin. (2016). "Kolonialisme British, Pergaduhan Kongsi Gelap Cina dan Perebutan Takhta di Perak 1871-174." Dalam Abdul Rahman Hj. Ismail dan Azmi Arifin, *Sejarah Malaysia, Wacana Kedaulatan Bangsa, Kenegaraan dan Kemerdekaan*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Barlow, H. S. (1995). *Swettenham*. Kuala Lumpur: Southdene Sdn. Bhd.
- Buyong Adil. (1981). *Sejarah Perak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Burn, P. L. (1976). *The Journal of J.W.W. Birch: The First British Resident to Perak, 1874-1875*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Cowan, C. D. & Burns, P. L. (1975). *Sir Frank Swettenham's Malayan Journals 1874-1875*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.


- Drake, Peter J. (2026). "Sir Harry St George Ord: First Colonial Governor of the Straits Settlements". Dalam Sultan Nazrin Shah (ed.), *Chronicling Themes in the Economic and Social History of Malaysia*. Singapore: World Scientific Publishing Co. Pte. Ltd.
- Enquiry As to Complicity of Chiefs in the Perak Outrages* (ECCOP). (1876). Singapore: Government Printing Office.
- Ahmad Fawzi Mohd. Basri. (1986). *Cempaka Sari Sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Ipoh: Yayasan Perak.
- Gullick, J. M. (1953). "Captain Speedy of Larut." *JMBRAS*.
- Khoo Kay Kim. (1984). *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873: Kesan perkembangan dagang terhadap politik Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Khoo Kay Kim. (1994). *Taiping, Ibukota Perak*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Khoo Kay Kim. (1991). "Taiping (Larut): The Early History of A Mining Settlement." *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Volume 64.
- Khoo Kay Kim. (2003). *Taiping : The Vibrant Years*. Kuala Lumpur: OFA Desyne.
- Lim Siew Leng. (1990/91). *Ngah Ibrahim, Peranan & Sumbangannya Dalam Perusahaan Perlombongan Bijih Timah Di Larut*. Latihan ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lizawati Bte Ramli. (2015). *Konflik dan Campurtangan Asing: Raja Abdullah dan Ngah Ibrahim 1860-1875*. Tesis sarjana, Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- McNair, J. F. A. (1972). *Perak and the Malays*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Memorandum Relative to the Affairs of Perak, With Reference to A Visit to That Country in April and May, 1872 by Mr. C. J. Irving*.
- Mohd Fazil Othman. (1980). *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mohd. Zamberi A. Malek. (2013). *Kapitan Chung Keng Kwee Pahlawan Perang Larut*. Kuala Lumpur: Anjung Media Resource.
- Mohd. Zamberi A. Malek. (2001). *Larut Daerah Terkaya*. Bangi: Penerbit UKM.
- Nor Aini Hassan. (2024). *Kota Ngah Ibrahim Dalam Lipatan Sejarah*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Negara.
- Nor Hisham Zulkiflee. (2025). "Pasukan Sepoi Ngah Ibrahim dan Kapten Speedy." *Misa Perak Jurnal Bilangan 2025/2026*. Ipoh: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Perak.
- Nor Hisham Zulkiflee. (2022). *Suruhanjaya Perdamaian Larut 1874-1879*. Pulau Pinang: Geroda Press.
- Proceedings of the Executive Council and correspondence upon the case of Ex-Sultan Abdullah and other Perak Chiefs*.
- Report of the Commissioners under Clause XIII of the "Perak Engagement" dated 20th January 1874*.
- Sultan Nazrin Shah (ed.) (2026). *Chronicling Themes in the Economic and Social History of Malaysia*. Singapore: World Scientific Publishing Co. Pte. Ltd.
- Straits Settlement Blue Book of the Larut District in the Native States of Perak, for year 1874*. Singapore: Government Printing, 1874.
- Straits Settlements No.2687, Enlistment of Sepoys by Captain Speedy at Calcutta for the service in Laroot*.
- Swettenham, F. (1907). *British Malaya: An Account of The Origin and Progress of British Influence in Malaya*. London: John Lane.

- Talib Samat. (2006). *Biografi Ringkas Orang Kaya Menteri Paduka Tuan Ngah Ibrahim Bin Long Jaafar (1836-1895) dan Kegiatan Memertabatkannya Semula*. Bukit Mertajam: Goal Intelligent Publishing Sdn. Bhd.
- Wee Choon Siang. (1952). *Ngah Ibrahim in Larut 1858-1874*. Singapore: University Malaya.
- Wilkinson, R. J. (1871). *Papers on Malay Subjects*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Winstedt, R. O. & Wilkinson, R. J. (1974). "History of Perak." *JMBRAS* 12(1): 1–180.
- Wyne, M. L. (1941). *Triad & Tabut: A Survey of the Origin and Diffusion of Chinese and Mohamedan Secret Societies in the Malay Peninsula, AD 1880-1935*, Singapore, Government Printing.

LAMPIRAN




Rajah 1: Tengku Ngah Ibrahim bersama dua anaknya.
Sumber: Muzium Matang.



Rajah 2: Cop mohor Tengku Ngah Ibrahim.

Sumber: Lim Siew Leng, *Ngah Ibrahim, Peranan & Sumbangannya Dalam Perusahaan Perlombongan Bijih Timah Di Larut*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 1990/91, hlm. 135.



Rajah 3: Permandangan Bukit Gantang dan Takung Menteri. Kelihatan Kota Long Jaafar dan kediaman Ngah Ibrahim berada di atas bukit.
Sumber: Koleksi Peribadi Izmal Karim.



Rajah 4: Rumah kediaman Ngah Ibrahim di Bukit Gantang.
Sumber: Koleksi Peribadi Izmal Karim.



Rajah 5: Sultan Abdullah (duduk di tengah), Toh Bandar, Dato Sagor (berdiri di kanan Sultan) dan pengikut. Gambar ini diambil di hadapan kediaman J.W.W. Birch di Bandar Baru.

Sumber: Koleksi Peribadi Izmal Karim.



Rajah 6: Pegawai-pegawai British di Bandar Baru. Kelihatan dalam gambar ini ialah Frank Swettenham (dua dari kiri), J.W.W. Birch (empat dari kiri berbaju putih bersandar tepi tangga), Gabenor Sir William Jervis (lima dari kiri) dan Kapten Speedy (kanan sekali).
Sumber: Koleksi Peribadi Izmal Karim.